

Soalan Lazim

# Majlis Konvokesyen UTM 2020

---

Bahagian Pengurusan Akademik

1 Mei 2020

## Soalan Lazim Mengenai Majlis Konvokesyen UTM 2020

1. **Saya telah dijadualkan bakal menerima ijazah pada Majlis Konvokesyen ke-64 UTM pada 24 hingga 28 Oktober 2020 ini. Adakah tarikh itu kekal seperti yang dirancang?**

Universiti telah memutuskan bahawa Majlis Konvokesyen ke-64 (MK64) UTM yang dijadualkan pada 24 hingga 28 Oktober 2020 ditangguhkan. Keputusan dibuat dengan mengambilkira kesan Pandemik COVID-19 yang sedang melanda dan atas nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia berhubung penangguhan perhimpunan sehingga satu tahun selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berakhir. Graduan yang dijadualkan menerima ijazah pada MK64 akan dijadualkan semula pada majlis yang sama pada Oktober 2021 (tertakluk kepada pindaan).

2. **Adakah saya akan berkonvokesyen bersama bakal graduan yang dijadualkan bergraduan pada 2021?**

Ya. Majlis Konvokesyen pada tahun 2020 akan ditangguhkan dan diadakan bersekali dengan bakal graduan lain pada tahun 2021. Pihak Universiti akan memberikan kelonggaran dengan memberikan pilihan kepada graduan tahun 2020 untuk menyertai konvokesyen secara berperingkat.

3. **Apakah penyertaan konvokesyen secara berperingkat seperti yang dinyatakan pada jawapan soalan 2?**

Graduan akan diberi pilihan untuk menyertai konvokesyen pada tahun 2021, 2022 dan 2023 terhad mengikut kuota yang telah ditetapkan.

4. **Saya telah dijadualkan bakal menerima ijazah pada Majlis Konvokesyen ke-64 UTM pada 24 hingga 28 Oktober 2020 ini. Walau bagaimanapun, saya mendapat tawaran pekerjaan di luar negara dan menghadapi kesukaran untuk menghadiri Majlis Konvokesyen. Bolehkah saya menangguhkan kehadiran Majlis Konvokesyen ke tahun yang lain?**

Ya. Graduan yang dijadualkan berkonvokesyen pada 2020 diberi peluang untuk menangguhkan Majlis Konvokesyen sekali sahaja di antara tahun 2021, 2022 atau 2023. Tiada penangguhan lagi selepas tahun 2023. Penangguhan atas alasan seperti menunaikan haji/umrah dan bersalin juga diterima dan permohonan boleh dimajukan kepada [amd@utm.my](mailto:amd@utm.my) selepas surat jemputan dikeluarkan.

5. **Saya ingin meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi atau memohon pekerjaan selepas menerima ijazah. Disebabkan penangguhan Majlis Konvokesyen pada tahun ini, bolehkah saya menuntut ijazah dan transkrip sebelum menghadiri Majlis Konvokesyen?**

Ya. Bahagian Pengurusan Akademik (AMD) menyediakan perkhidmatan Sijil Awal bagi pelajar yang telah disahkan graduan. Permohonan boleh dirujuk di sini : [Tatacara Permohonan Sijil Awal](#) bagi pelajar perdana dan [student.enquiry@utmSPACE.edu.my](mailto:student.enquiry@utmSPACE.edu.my) bagi pelajar SPACE.

6. **Saya adalah pelajar tajaan biasiswa. Pemberi biasiswa memerlukan sijil asal sebagai bukti tamat pengajian. Bagaimana cara untuk saya menghadapinya?**

Terdapat dua cara. Pertama, permohonan sijil awal boleh dilakukan seperti di soalan dan jawapan nombor 4. Kedua, pihak pemberi biasiswa boleh dimaklumkan menerusi surat pengesahan Senat yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Akademik (AMD) kepada graduan yang telah disahkan oleh Senat.

7. **Adakah pihak UTM akan menghantar jemputan konvokesyen kepada graduan?**

Ya. Surat jemputan akan dihantar melalui emel kepada graduan yang telah disahkan Senat dan bebas dari sebarang hutang tertunggak. Surat jemputan boleh dimuat turun di laman web konvokesyen di : <https://www.utm.my/convocation/graduate-verification/>

8. **Visa saya akan tamat pada hujung tahun ini selepas saya tamat pengajian. Saya bercadang untuk pulang ke negara dan tidak menghadiri konvokesyen. Bolehkah saya menuntut sijil?**

Ya. Graduan yang telah disahkan boleh menuntut sijil sebelum pulang ke negara asal setelah menjelaskan yuran konvokesyen.

9. **Sebagai graduan UTM, bolehkah saya membeli jubah graduan?**

Boleh. Sila rujuk borang berkenaan di laman web konvokesyen <https://academicmanagement.utm.my/convocation-attire/> dan emelkan permohonan ke [amd@utm.my](mailto:amd@utm.my)

10. **Berapakah nilai jualan jubah graduan?**

Nilai jubah bagi graduan Doktor Falsafah adalah RM1,000, Sarjana RM800 dan Sarjana Muda RM700.

11. **Saya telah dijadualkan bakal menerima ijazah pada Majlis Konvokesyen ke-64 UTM pada 24 hingga 28 Oktober 2020 ini manakala isteri saya dijangka menamatkan pengajian pada 2022. Memandangkan Majlis Konvokesyen pada 2020 ditangguhkan, bolehkah kami menyertai Majlis Konvokesyen bersama-sama pada 2022?**

Ya. Graduan pada tahun 2020 boleh menangguhkan majlis sekali sahaja sehingga tahun 2023.

12. **Berapakah caj yuran konvokesyen?**

Caj yuran konvokesyen mengikut peringkat adalah seperti berikut :

- a. Pelajar Pascasiswazah (Doktor Falsafah dan Ijazah Sarjana) - RM250.00
- b. Pelajar Ijazah Sarjana Muda - RM220.00
- c. Pelajar Diploma - RM200.00

13. **Saya bercadang untuk memohon sijil awal. Adakah saya diberi peluang untuk hadir ke Majlis Konvokesyen walaupun telah menuntut sijil?**

Ya. Semua graduan diberi peluang untuk menghadiri Majlis Konvokesyen walaupun telah memohon dan menerima sijil awal. Surat jemputan akan dikeluarkan kepada semua graduan yang layak. Walau bagaimanapun, deposit jubah antara RM700.00 hingga RM1,000.00 akan dikenakan kepada graduan yang telah memohon sijil awal bagi menghadiri majlis. Deposit ini akan dipulangkan sebaik sahaja jubah dipulangkan dalam keadaan baik dan selepas menolak kos operasi sebanyak RM60.00.

14. **Saya ingin memohon dan mendapatkan sijil awal. Bolehkah saya meminjam jubah graduan bagi tujuan sesi fotografi?**

Ya. Permohonan sijil awal akan dibekalkan dengan peminjaman jubah graduan untuk sesi fotografi. Sijil akan diserahkan selepas jubah dipulangkan dalam keadaan baik.

15. **Saya tidak bercadang untuk menghadiri Majlis Konvokesyen dan tidak mempunyai keperluan mendapatkan sijil awal. Bila saya boleh mendapatkan sijil?**

Sijil boleh dituntut selepas tamat Majlis Konvokesyen pada tahun 2021 dan seterusnya mengikut tahun graduan. Lokasi tuntutan adalah seperti berikut :

- a. Graduan Perdana - Pejabat Bahagian Pengurusan Akademik Blok F54, UTM Johor Bahru;
- b. Graduan Separuh Masa - Pejabat SPACE, Blok T05 UTM Johor Bahru;
- c. Graduan Diploma PUPW - Pejabat SPACE, UTM Kuala Lumpur;
- d. Graduan Program Kerjasama - Di Kolej masing-masing.

**16. Saya berada di luar kawasan dan menghadapi kesukaran untuk mengambil sijil. Bolehkah pihak UTM mengeposkan sijil tersebut atau wakil saya mengambilnya di Pejabat AMD?**

Ada dua cara untuk tuntutan sijil sekiranya tidak dapat hadir sendiri. Pertama, pihak AMD boleh mengeposkan sijil tersebut ke alamat yang diberikan dan kedua, boleh mewakilkan rakan atau ahli keluarga untuk mengambil sijil di Pejabat AMD. Boleh rujuk di <https://academicmanagement.utm.my/academic-transcript/>

**17. Saya adalah pelajar tahun akhir. Adakah saya perlu memohon status graduan walaupun Majlis Konvokesyen pada tahun 2020 ditangguhkan?**

Ya. Permohonan graduan masih perlu dibuat oleh pelajar tahun akhir bagi memastikan nama pelajar disenaraikan dalam senarai graduan bagi Majlis Konvokesyen yang akan datang.

**18. Bagaimana saya ingin mengetahui maklumat terkini Majlis Konvokesyen pada tahun 2021?**

Semua maklumat akan dimuat naik di laman web konvokesyen UTM di <https://www.utm.my/convocation/>. Bakal graduan juga boleh melayari laman *Facebook* AMD di [Facebook : Bahagian Pengurusan Akademik UTM Johor Bahru](#) atau emel ke [amd@utm.my](mailto:amd@utm.my).